



29 Mac 2013  
29 March 2013  
P.U. (A) 112

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (PENDAFTARAN PENGIMPORT, PENGEKSPORT DAN EJEN) 2013

### *MALYSIAN QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES (REGISTRATION OF IMPORTERS, EXPORTERS AND AGENTS) REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN  
MALAYSIA (PENDAFTARAN PENGIMPORT, PENGEKSORT DAN EJEN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 49(2)(d) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut :

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Pendaftaran Pengimport, Pengeksport dan Ejen) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2013.

**Pendaftaran pengimport, pengeksport dan ejen**

2. Mana-mana orang tidak boleh mengimport atau mengeksport sesuatu tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma melainkan jika orang itu berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai seorang pengimport, pengeksport atau ejen.

**Permohonan dan kelulusan pendaftaran**

3. (1) Seorang pemohon hendaklah membuat suatu permohonan pendaftaran sebagai pengimport, pengeksport atau ejen tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma kepada Ketua Pengarah mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah boleh, selepas menerima sesuatu permohonan pendaftaran, menghendaki pemohon untuk mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen lain yang difikirkannya perlu dalam meluluskan permohonan pendaftaran itu.

(3) Ketua Pengarah boleh memberikan kelulusan secara bertulis kepada mana-mana pemohon yang telah memenuhi syarat pendaftaran.